



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 7 OKTOBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	PERTANIAN 'SEKTOR PENYELAMAT PENGANGGUR', DALAM NEGERI, UM -33 JOHOR BAKAL JADI PEMBEKAL MAKANAN SINGAPURA, UAE, NASIONAL, BH -26 SASAR PENGELUARAN 3.5 JUTA EKOR AYAM, BISNES SINAR, SH -30	LAIN-LAIN

UKKMAFI

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/10/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33

Pertanian 'sektor penyelamat penganggur'

KUALA LUMPUR: Sektor pertanian antara 'penyelamat' kepada mana-mana individu yang ingin menambah pendapatan susulan berlakunya kadar pengangguran yang tinggi pada tempoh penularan Covid-19.

Pensyarah Kanan Putra Business School (PBS), Prof.

Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, ini kerana terdapat peruntukan di-khususkan kerajaan bagi sektor tersebut dengan jaminan pulangan menguntungkan.

"Dana memulakan pertaniannya masih banyak khususnya kepada mereka yang ingin menjadi usahawan. Per-

ingat awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), peruncit susah mendapatkan bekalan barangan secara terus.

"Jadi inilah alternatif yang boleh dilakukan untuk mereka yang ingin menceburi sektor pertanian selepas tiada kerja," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Menurut statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran meningkat kepada lima peratus berbanding tempoh sama tahun lalu dengan bilangan penganggur seramai 778,800 orang.

Golongan belia antara terkesan dengan peningkatan kadar pengangguran itu.

Johor bakal jadi pembekal makanan Singapura, UAE

Johor Bahru: Johor bakal menjadi hab pembekal makanan utama kepada Singapura dan Emiriah Arab Bersatu (UAE), selepas dua negara itu menunjukkan minat terhadap kemampuan negeri ini.

Menteri Besar, Datuk Ir Hasni Mohammad, berkata negeri ini dipilih kerana faktor kedudukan strategik dan kekuatan Johor dalam sektor pertanian.

Katanya, ia peluang baharu kepada pemain industri yang terlibat dalam bidang ini.

"Singapura dan UAE berminat menjadikan Johor tumpuan jaminan bekalan makanan negara mereka.

"Ketika pertemuan ringkas dengan pemimpin Singapura, saya melontarkan idea berkenaan kepada negara jiran dan mereka memberi reaksi positif dan menyatakan negeri ini paling sesuai dijadikan 'food bank' mereka.

"Jadi Johor akan mengemukakan tawaran kepada negara jiran mengenai kesediaan kita. Tetapi sebelum itu, Johor perlu mengukuhkan *food security blueprint* supaya ia dapat memberi jaminan kepada Singapura", katanya se-

lepas merasmikan Persidangan Sains Tanah Malaysia di Hotel Holiday Villa, di sini, semalam.

Hasni berkata, ketika ini, Singapura mengimport lebih RM500 juta nilai produk makanan setiap bulan.

Katanya, melalui Kementerian Luar juga, UAE menyatakan kesediaan menjadikan Malaysia sebagai pengeluar makanan.

"Johor menerima saranan daripada Kementerian Luar untuk meningkatkan keupayaan bagi pengeluaran makanan, seperti akuakultur dan buah-buahan yang sememangnya menjadi kekuatan negeri dalam sektor pertanian.

"Menyedari kepentingan jaminan bekalan makanan, kerajaan negeri mengumumkan inisiatif itu sebagai satu komponen dalam pelaksanaan Tujuh Ikhtiar Makmur Johor.

"Inisiatif itu akan memberi manfaat kepada pengeluar produk agrikultur, penternak, petani, nelayan, pengguna dan semua pihak terlibat dalam rangkaian sektor makanan sama ada untuk pasaran tempatan mahupun antarabangsa," katanya.



Hasni (kiri) merasmikan pelancaran buku pada persidangan Sains Tanah Malaysia di Johor Bahru, semalam. (Foto Omar Ahmad/BH)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/10/2020	SINAR HARIAN	BISNES SINAR	30

Sasar pengeluaran 3.5 juta ekor ayam

OLEH ZULHISHAM ISAHAK

JOHOR BAHRU

Penternakan ayam secara komersial dengan menggunakan kaedah konvensional dilihat agak kurang sesuai pada masa kini kerana berpotensi mengundang pelbagai masalah terutamanya pencemaran.

Dalam mencapai dan memastikan pengeluaran ayam dapat terus dihasilkan dalam skala besar dan pada masa sama mengekalkan kemapanan dan kelestarian alam sekitar, Konsortium Penternak Ayam Muslim Berhad (KPAM) ditubuhkan pada Mac 2019.

KPAM terdiri daripada 13 penternak ayam yang mempunyai ladang-ladang ayam sekitar Johor dengan tujuan membantu penternak-penternak Bumiputera dan Muslim di negeri berkenaan.

Ketua Bahagian Penternakan Mapan dan Digital KPAM, Datin Rusila Hashim berkata, bantuan itu akan membolehkan mereka memperoleh rebahan ayam yang moden, tertutup dan mempunyai peralatan ternakan ayam berdigital.

Katanya, ia bagi memudahkan ternakan menjalankan kerja-kerja ternakan ayam berbanding dengan cara sistem terbuka yang kurang efisien.

"KPAM juga berfungsi untuk menyediakan bekalan anak ayam dan dedak ternakan kepada penternak dan KPAM akan membeli balik ayam hidup yang sudah cukup berat daripada penternak," katanya ketika ditemui di Johor Bahru baru-baru ini.

KPAM menasaskan pengeluaran



Rusila (lima dari kanan) dan Naib Presiden Juslan KPAM, Nurhayati Abdul Jalil (sembilan dari kanan) dan barisan utama KPAM selepas Majlis Perasmian Padanan Pembiayaan di Antara Koperasi-koperasi, Ventura Capital, GLC dan Bank-bank Tempatan di Malaysia Dengan KPAM di Hotel Thistle, Johor Bahru baru-baru ini.



RUSILA HASHIM

ayam pedaging secara konsisten bagi menyumbang kepada bekalan yang mencukupi dan seterusnya menstabilkan harga ayam di samping menjamin peningkatan bekalan ayam halal di Malaysia.

Bercakap mengenai perancangan, beliau memberitahu, KPAM menasaskan pengeluaran ayam sebanyak 3.5 juta ekor menerusi 20 reban tertutup dalam ladang mampan dan digital menjelang suku keempat tahun depan.

Rusila berkata, sasaran berkenaan bagi memenuhi permintaan termasuk eksport yang berupaya menyumbang kepada peningkatan ekonomi dan mencukupkan bekalan makanan negara.

"Proses menghasilkan produk yang berkualiti dan halal menjadi fokus utama kami. Semestinya proses penghasilan daging ayam yang baik bermula daripada bakanya, makanannya, penjagaannya, sembelihannya dan pengagingannya.

"Seterusnya kita berhasrat meng-



Sisa pepejal dari ladang akan diproses secara organik bagi menghasilkan produk mesra alam seperti gas-bio dan baja-bio.

hasilkan 9.8 juta ekor ayam setahun pada tahun 2023. Antara matlamat utama adalah untuk menghasilkan bekalan ayam pedaging yang berkualiti dan mencukupi selain menstabilkan harga ayam di Malaysia," katanya.

Projek ternakan ayam secara besar-besaran itu ujarinya, dilakukan secara mesra alam sekitar kerana ladang-ladang ternak KPAM akan dilengkapi sistem rawatan sisa air yang berupaya menyalurkan air ke sungai dan parit berdekatan.

Sisa pepejal dari ladang pula katanya, akan diproses secara organik bagi menghasilkan produk mesra alam seperti gas-bio dan baja-bio selain automasi seperti penggunaan scrapper (sistem mekanikal) sepenuhnya akan membersihkan tinja ayam tanpa tenaga kerja yang banyak.

Menurut beliau, terdapat 14 ladang KPAM di lapan buah daerah di negeri

ini dengan pengeluaran 520,000 untuk satu pusingan dan tambahan pengeluaran 1.4 juta untuk satu pusingan.

Ladang-ladang tersebut katanya, terdapat di Kota Tinggi dengan keluasan 14.3 hektar; Kluang (10.60 hektar); Pontian (9.14 hektar); Batu Pahat (6.65 hektar); Muar (6.65 hektar); Kulai (3.31 hektar) dan Segamat (0.56 hektar).

Menurutnya, peluang Malaysia untuk mengeksport ayam dan produk pertanian pada masa akan datang adalah cerah kerana berdasarkan kajian pada tahun 2050, penduduk dunia akan bertambah sembilan bilion sekali gus membuka pasaran lebih luas.

"Malaysia dikelilingi atau berdekatan negara berpenduduk kepadatan tinggi seperti di India, China dan Timur Tengah yang semestinya membuka peluang kepada pasaran yang meluas," katanya.



KPAM menasaskan pengeluaran ayam 3.5 juta ekor menerusi 20 reban tertutup dalam ladang mampan dan digital menjelang suku keempat tahun depan.